



Ladang
Rakyat
Mengurus Amanah Rakyat



PROFIL KORPORAT 2026

قَرْبَادَنُ قَرْبَاغُونِ لَادُغ رَعِيَت نِجَرِيَا كَلَنْتَانِ
PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN



**Pejabat Perbadanan
Pembangunan Ladang
Rakyat Negeri Kelantan
bertempat Wisma Ladang
Rakyat, Jalan Tunjong -
Pasir Mas, Bandar Baru
Tunjong, 15100 Kota
Bharu, Kelantan.**

SEJARAH PENUBUHAN

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



Program Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLR NK) dilancar dan disempurnakan oleh YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar pada 26 Januari 2006.

**Tahun
2006**

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan telah ditubuhkan melalui Enakmen No.2 Tahun 2006 setelah diluluskan oleh Dewan Negeri pada 20hb. dan 21hb. Februari 2006. Dikenali sebagai Unit Khas Ladang Rakyat pada 01 Januari 2006 dengan seorang. Pengurus tanpa kakitangan sokongan.

**Tahun
2009**

Pada 1 Januari 2009 pejabat PPLR NK telah dapat memiliki bangunan tiga tingkat sendiri bertempat di Zon Komersial Wakaf Che Yeh, Kota Bharu dengan tenaga sumber manusia seramai 26 orang.

**Tahun
2026**

Kini selari dengan peredaran zaman dan keperluan semasa, PPLR NK telah berpindah ke bangunan baharu yang dikenali sebagai WISMA LADANG RAKYAT beralamat di Jalan Tunjong - Pasir Mas, Bandar Baru Tunjong 15100 Kota Bharu Kelantan.



OBJEKTIF PPLR NK

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat
Negeri Kelantan

*Memastikan kemajuan
pengurusan tanah ladang
yang cekap, menghasilkan
produktiviti yang optimum
dan prestasi yang baik bagi
kelestarian pembangunan
ekonomi rakyat.*

VISI & MISI

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



VISI



- Menjadi agensi peneraju pembangunan perladangan yang unggul dan berdaya saing.

MISI



Membangunkan dan memajukan sektor perladangan serta meningkatkan sosio ekonomi rakyat Kelantan melalui: -

- Projek-projek pelaburan komersil, perladangan, perlombongan dan pertanian yang bernilai tinggi melalui penjana ekonomi yang mampan
- Mewujudkan program-program tanggungjawab sosial korporat yang berimpak tinggi bagi kesejahteraan rakyat

MODEL OPERASI

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat

Membangunkan program ladang rakyat bagi tujuan meningkatkan sosio ekonomi negeri dan taraf hidup penduduk Negeri Kelantan.

- Menggalakkan, memudahkan dan membuat kerja pembangunan tanah dalam dan luar negeri
- Membuat semua perkara dan benda lain yang dikehendaki bagi menjalankan atau menyempurnakan semua atau mana-mana pekerjaan dan tugas perbadanan

5 NILAI TERAS

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat

1. Ketaqwaan Kepada Allah
2. Akauntabiliti
3. Inovasi
4. Motivasi
5. Komitmen Terhadap Kecemerlangan



Perladangan
Getah

Perladangan
Sawit

Perlombongan

Pertanian/
**Agro
Farm**

Property/
**Pembangunan
Aset**

LIMA SEKTOR UTAMA

- Perladangan Sawit
- Perladangan Getah
- Perlombongan
- Pertanian / Agro Farm
- Property (Pembangunan Aset)

BANGUNAN LADANG RAKYAT

PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT
NEGERI KELANTAN



Perladangan Sawit & Getah

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

Lima jajahan utama

1. Gua Musang	33,835 ekar	4. Tanah Merah	1,949 ekar
2. Jeli	11,925 ekar	5. Kecil Lojing	8,420 ekar
3. Kuala Krai	21,719 ekar	KESELURUHAN	77,848 ekar

PPLR NK berperanan sebagai pemangkin pembangunan sosio ekonomi Negeri Kelantan melalui pengurusan dan pembangunan tanah secara strategik, dengan matlamat meningkatkan taraf hidup rakyat, menjana peluang ekonomi dan mewujudkan kesejahteraan yang mampan untuk generasi kini dan akan datang.



Aset Mineral Strategik (Perlombongan)

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



Sebahagian tanah PPLR NK memiliki potensi aset-aset mineral yang memperkukuh nilai strategik aset agensi. Melalui pajakan terpilih kepada syarikat yang berkelayakan, potensi ini diterjemahkan kepada sumber pendapatan tambahan yang mampan, sekali gus mempelbagaikan hasil organisasi tanpa mengubah fokus utama terhadap pembangunan ladang dan peningkatan kesejahteraan peserta.

Pembangunan Agrofarm

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



PPLR NK mengoptimumkan nilai aset tanah melalui pajakan strategik kawasan berpotensi kepada syarikat yang berkelayakan bagi pembangunan agrofarm dan penanaman sayur-sayuran bernilai tinggi. Inisiatif ini menjana pendapatan tambahan yang mampan, mempelbagaikan sumber hasil PPLR NK serta menyokong agenda keterjaminan makanan dan pertumbuhan ekonomi negeri.

Pembangunan Aset

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

Portfolio aset bangunan PPLR NK merupakan komponen strategik yang menyokong kestabilan kewangan organisasi melalui pendapatan sewaan yang konsisten serta peningkatan nilai aset jangka panjang.



Bandar Baru Tunjong - Jalan Kuala Krai, Batu 4, 15150 Kota Bharu, Kelantan.



Pejabat Perbadanan di Bangunan Ladang Rakyat, Zon Komersial Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan.



Ladang
Rakyat
Mengurus Amanah Rakyat

KONSEP PESERTA LADANG RAKYAT

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



AGIHAN HASIL PAJAKAN

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

Peserta Ladang Rakyat dipilih dalam kalangan golongan berpendapatan rendah tanpa mengira latar belakang bangsa, agama mahupun fahaman politik, selaras dengan prinsip keadilan sosial dan keterangkuman. Proses pencalonan peserta pada peringkat awal dilaksanakan melalui bancian yang dijalankan oleh Penggawa, seterusnya dikemukakan oleh Ketua Jajahan. Selain itu, pencalonan turut disalurkan melalui Penghulu atas perakuan Wakil Rakyat Kerajaan Negeri Kelantan. Semua pencalonan yang diterima akan melalui proses saringan yang teliti sebelum dibentangkan untuk kelulusan dalam Mesyuarat Perbadanan.


Sehingga kini, program Ladang Rakyat telah memberi manfaat kepada 4,919 orang peserta, termasuk dalam kalangan bukan Islam dan masyarakat Orang Asli. Para peserta ini menerima dividen secara bulanan hasil daripada pembangunan dan pengurusan tanah Ladang Rakyat yang meliputi keluasan kira-kira 77,848 ekar. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan taraf ekonomi peserta, malah turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negeri secara menyeluruh.



STATISTIK PEMBAHAGIAN DIVIDEN 2006-2025

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

CARTA STATISTIK PEMBAHAGIAN DIVIDEN



Jumlah keseluruhan adalah **RM204, 736,150.00**

Analisa Statistik Pembahagian Dividen 2006-2025

Graf menunjukkan trend pembahagian dividen Ladang Rakyat yang meningkat secara keseluruhan bagi tempoh 2006 hingga 2025, meskipun terdapat turun naik pada beberapa tahun. Pada peringkat awal, dividen bermula sekitar RM2 juta (2006) dan meningkat kepada lebih RM4 juta (2007) serta hampir RM9 juta (2008). Peningkatan ketara berlaku pada 2009–2010 apabila dividen mencecah lebih RM14 juta, sebelum menurun kepada sekitar RM8.5 juta pada 2011 dan kembali meningkat melebihi RM11 juta hingga RM12 juta pada 2012–2013.

Bagi tempoh 2014 hingga 2019, dividen kekal stabil dalam julat RM9 juta hingga RM12 juta walaupun berlaku turun naik sederhana, mencerminkan daya tahan program. Bermula 2020, prestasi kembali menunjukkan peningkatan dengan sekitar RM11 juta, menurun sedikit pada 2021, sebelum melonjak semula melebihi RM13 juta pada 2022 dan mencapai hampir RM14 juta pada 2024, antara pencapaian tertinggi. Secara keseluruhan, trend ini membuktikan program Ladang Rakyat mampu menjana pulangan yang konsisten dan meningkat dalam jangka panjang, sekali gus mencerminkan keberkesanan pengurusan serta sumbangannya terhadap peningkatan sosioekonomi peserta.



PELAN STRATEGIK KAMI

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



Pelan strategik 2026-2030 telah dirangka dan sedang dilaksanakan bagi memenuhi tadbir urus pengurusan kewangan yang cemerlang. PPLRKN telah mensasarkan untuk mendapat status *Initial Public Offering (IPO)* di Bursa Malaysia menjelang tahun 2030 demi memacu pertumbuhan sosioekonomi Rakyat Kelantan dengan lebih mampan dan keterangkuman.



PPLRKN mempunyai potensi besar untuk berkembang daripada sebuah agensi pembangunan sosioekonomi negeri kepada sebuah organisasi berprestasi tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Aspirasi ini sangat relevan kerana organisasi memiliki asas yang kukuh: portfolio tanah yang luas, aset strategik yang pelbagai, mandat pembangunan negeri, dan impak sosial yang jelas.




Matlamat utama ialah mentransformasikan Ladang Rakyat kepada **syarikat perladangan dan pelaburan bersepadu yang berteraskan ESG, berdaya saing dan bertaraf awam tersenarai**, tanpa mengabaikan misi utama untuk meningkatkan tsosioekonomi Negeri Kelantan dan taraf hidup rakyat.

STATISTIK JABATAN (PERANGKAAN MALAYSIA)

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan


TREND KEMISKINAN DI NEGERI KELANTAN

Transformasi sosioekonomi dan cabaran pembangunan berterusan



SOROTAN UTAMA

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



Pendapatan yang dijana daripada semua portfolio-portfolio aset ini membolehkan PPLRKN menyalurkan manfaat secara berterusan kepada peserta dan komuniti, sekali gus membantu mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Secara keseluruhannya, PPLRKN berfungsi sebagai pemangkin transformasi sosioekonomi Negeri Kelantan dengan menukarkan aset tanah kepada sumber kekayaan yang mampan demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negeri.



MASA DEPAN KAMI



Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat
Negeri Kelantan



MASA DEPAN KAMI

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

Sektor pertanian dan ekonomi rakyat sebagai tulang belakang menjadi asas yang kukuh secara signifikan dalam pembangunan mampan yang berteraskan rakyat. Menjadi agensi peneraju pembangunan perladangan yang unggul dan berdaya saing di Negeri Kelantan dengan memperkasa sektor perladangan serta meneroka peluang pelaburan komersial, perlombongan dan pertanian secara strategik.

LEMBAGA PENGARAH

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan



PENGERUSI PPLRNK

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASARUDDIN HJ. DAUD

Menteri Besar

TIMBALAN PENERUSI PPLRNK

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN
DATO' HJ. HASSAN

Timbalan Menteri Besar



PENGURUSAN TERTINGGI

Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

SETIAUSAHA PPLRNK

- N13 (PINJAMAN)

DR. HJ. MOHD ARPI
BIN ARIFIN

Ketua Pegawai Eksekutif



PEGAWAI KANAN KEWANGAN

HJH. RABIAH BINTI ABDUL WAHAB
GREDED WA12



PEGAWAI KANAN PEMBANGUNAN PROJEK

ENCIK MAJDI BIN MOHAMED
GREDED WA10/12



PEGAWAI PENTADBIRAN

HJH. THURAYA BINTI MOHAMED
GREDED N9



PEGAWAI PENGURUSAN KORPORAT & TEKNOLOGI MAKLUMAT

YM TENGKU HANIF BIN TUAN YAZID
GREDED N9



PEGAWAI AUDIT & INTEGRITI

ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AMRAN
GREDED N9



Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat
Negeri Kelantan







PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN

Jalan Tunjong – Pasir Mas, Bandar Baru Tunjong,
15100 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-522 0400/ 0401 | Faksimili : 09-522 0402

E-mel : pplrnk@kelantan.gov.my

www.pplrnk.gov.my

